

# Kiblat:

Dari Masjidil Aqsa ke Masjidil Haram

Perubahan arah kiblat dalam  
Islam





# Pengertian Kiblat

Kiblat menurut bahasa adalah arah hadap dan kiblat yang dimaksudkan adalah Kaabah. Manakala menurut ilmu falak kiblat merujuk kepada arah menghadap ke Kaabah di atas glob bulatan bumi mengikut jarak yang terdekat. Para ulamak sepakat menyatakan bahawa menghadap ke kiblat merupakan salah satu daripada syarat sah solat melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu yang dibenarkan seperti solat ketika dalam peperangan dan solat sunah dalam keadaan bermusafir.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 150 yang bermaksud :

Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya.





# Kiblat Pertama – Masjidil Aqsa



## Masjid Al-Aqsa sebagai Kiblat Pertama

Masjid Al-Aqsa yang juga dikenali sebagai Baitul Maqdis, merupakan kiblat pertama umat Islam sebelum kiblat dipindahkan ke Masjidil Haram. Tempat ini terletak di Kota Tua Yerusalem dan menjadi arah solat bagi umat Islam sebelum perintah perubahan kiblat diturunkan kepada Rasulullah SAW.

## Perubahan Kiblat ke Kaabah

Sebelum peristiwa Isra' Mi'raj, Rasulullah SAW pernah menunaikan solat sunat di Masjid Al-Aqsa. Ketika masih berada di Makkah sebelum hijrah, Baginda dan para sahabat juga solat menghadap Baitul Maqdis. Namun, setelah 16 bulan berada di Madinah, Allah SWT memerintahkan perubahan kiblat ke Kaabah di Makkah.





# Mengapa Masjid Al Aqsa Menjadi Kiblat Pertama?

## MASJID AL-AQSA SEBAGAI KIBLAT YANG SUCI


Allah SWT memerintahkan umat Islam untuk solat menghadap Masjid Al-Aqsa kerana ia adalah tempat suci yang bebas daripada unsur kesyirikan dan penyembahan berhala.

## MASJIDIL HARAM DIPENUHI BERHALA

Pada waktu itu, Masjidil Haram belum menjadi rumah ibadah Islam sepenuhnya, kerana masih dipenuhi dengan 309 berhala yang disembah oleh masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam.

## MENGHINDARI KEBANGGAAN KAFIR QURAI SY

Jika solat dilakukan menghadap Masjidil Haram pada masa itu, kaum Quraisy akan beranggapan bahawa Rasulullah SAW mengakui berhala mereka. Oleh itu, Allah menetapkan Masjid Al-Aqsa sebagai kiblat pertama umat Islam.



# Perintah Perubahan Kiblat

Pada 17 Rejab tahun 2 Hijrah, selepas 16 bulan solat menghadap Baitul Maqdis, Allah SWT menurunkan wahyu dalam Surah Al-Baqarah ayat 144 yang memerintahkan Rasulullah SAW dan umat Islam untuk berpaling ke arah Kaabah di Masjidil Haram. Wahyu ini menjawab doa Rasulullah SAW yang berharap agar kiblat dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai.




## PELAKSANAAN PENUKARAN ARAH KIBLAT



Ketika wahyu diturunkan, Rasulullah SAW sedang menunaikan solat bersama para sahabat dan serta-merta menukar arah kiblat ke Kaabah, diikuti oleh mereka. Solat pertama menghadap Kaabah berlaku ketika solat Zohor di Bani Salamah, diikuti oleh solat Asar di Masjid Nabawi dan solat Subuh di Masjid Quba. Sejak peristiwa ini, kiblat umat Islam kekal ke arah Kaabah, menjadi simbol perpaduan dan ketaatan kepada perintah Allah SWT.



# Hadith Tentang Perpindahan Arrah Kiblat




## Solat Asar Pertama Menghadap Kaabah

Rasulullah SAW pertama kali solat menghadap Kaabah ketika Asar, diikuti para sahabat di Madinah.



## Perintah Kiblat Diturunkan Ketika Solat

Ketika solat Zuhur di Bani Salamah, wahyu turun memerintahkan perubahan kiblat dari Masjid Al-Aqsa ke Kaabah.



## Masjid Qiblatain Sebagai Bukti Peristiwa

Rasulullah SAW berpaling 180 darjah ke Kaabah, menjadikan masjid itu dikenali sebagai Masjid Qiblatain hingga kini.



## Solat di Quba' Juga Berpindah Kiblat

Ketika solat Subuh di Masjid Quba', jemaah berpaling ke Kaabah setelah menerima berita perubahan kiblat.



Demi Allah! Aku bersaksi bahawa  
 aku bersolat bersama Nabi Muhammad  
 menghadap ke Kaabah di Makkah. ﷺ  
 Kemudian orang yang bersolat itu terus  
 berpusing menghadap ke Kaabah dalam  
 solat itu juga  
 (Hadis riwayat Bukhari)

# Reaksi Umat Islam dan Yahudi

## MUSLIM:

Umat Islam menerima dan mengikuti perintah perubahan kiblat dengan penuh keimanan, ketaatan, serta keyakinan bahawa segala ketetapan Allah SWT adalah yang terbaik.

## KAUM YAHUDI & MUNAFIK:


Kaum Yahudi dan golongan munafik mempertikaikan serta mengkritik perubahan arah kiblat untuk menimbulkan keraguan di kalangan umat Islam terhadap perintah tersebut.

## JAWAPAN DALAM AL-QUR'AN:

Bahwa kiblat adalah milik Allah, dan arah shalat ditentukan oleh-Nya.

## PENEGASAN IDENTITI UMAT ISLAM:

Perubahan kiblat membezakan umat Islam daripada kaum Yahudi, menegaskan identiti dan keistimewaan syariat Islam.





# *Beziptihad dalam Menentukan Arah Kiblat: Pandangan Mazhab Sya'fie*

## KIBLAT YAKIN


Seseorang di dalam Masjidil Haram wajib menghadap Baitullah dengan yakin, baik melihatnya secara langsung atau memastikan arah dengan cara lain.

## KIBLAT DZANNI

Seseorang di luar Masjidil Haram tetapi masih di sekitar Makkah harus menghadap Masjidil Haram dengan ijtihad yang boleh ditentukan melalui panduan orang berpengetahuan.

## KIBLAT IJTIHADI

Seseorang di luar Tanah Suci Makkah harus menghadap ke arah Makkah dengan niat menuju Masjidil Haram atau Kaabah, sudah memadai untuk sahnya solat.





# Hikmah Perubahan Kiblat

Menurut Syeikh Wahbah Zuhaili dalam Tafsir al-Wasith, terdapat tiga hikmah utama di sebalik pemindahan kiblat dari Masjidil Aqsa ke Masjidil Haram:

## 01. Tanda Kebenaran dari Allah SWT

Pemindahan kiblat merupakan bukti kebenaran ajaran Islam dan doa Rasulullah SAW yang dikabulkan oleh Allah SWT serta mematahkan hujah golongan yang mencela baginda kerana sebelumnya menghadap Baitul Maqdis.

## 02. Kesempurnaan Nikmat Allah kepada Bangsa Arab

Nabi Muhammad SAW berasal dari bangsa Arab, dan Al-Quran diturunkan dalam bahasa mereka, sehingga mereka berasa bangga kerana Kaabah dijadikan kiblat sebagai tanah air dan simbol kebanggaan mereka.

## 03. Menjadikan Umat Islam Lebih Taat dan Teguh Pendirian

Pemindahan kiblat menguji keimanan umat Islam dalam mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya, dan meskipun dihina serta diejek, mereka tetap teguh berpegang kepada ajaran Islam.

**PERUBAHAN KIBLAT BUKAN HANYA PERINTAH IBADAH TETAPI JUGA LAMBANG KEPATUHAN MUTLAK KEPADA ALLAH SWT SERTA PENGIKTIRAFAN TERHADAP KEPENTINGAN BAITUL MAQDIS YANG SEHARUSNYA BERADA DI BAWAH KETUANAN UMAT ISLAM.**



# *Kiblat dalam Kehidupan Muslim*



Kiblat memainkan peranan penting dalam kehidupan Muslim sebagai arah wajib dalam solat lima waktu, solat jenazah, dan penyembelihan haiwan. Selain itu, kiblat juga melambangkan ukhuwah persaudaraan umat Islam di seluruh dunia, menghubungkan mereka dalam satu arah ibadah kepada Allah SWT dengan penuh keikhlasan.



# Sumber:

- <https://www.muftiwp.gov.my/ms/unit-falak2/149-soalan-soalan-lazim-falak/4023-kiblat>
- <https://www.mycare.org.my/masjid-al-aqsa-kiblat-yang-pertama/>
- <https://www.detik.com/hikmah/khazanah/d-6754379/masjid-al-aqsa-kiblat-umat-islam-yang-pertama-kali-sebelum-kabah>
- <https://perkimdk.com/sejarah-peristiwa-perpindahan-kiblat-dan-hikmahnya>







# Terzima Kasih